

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 MAC 2024
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 11

Petronas: Antara tanggungjawab kepada negara dan bumiputera



DUA hari selepas Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 (KEB2024) selesai dengan 80 resolusi, timbul cakap-cakap tidak puas hati dalam kalangan usahawan bumiputera mengenai Petronas menganugerahkan projek pemasangan sistem solar di 300 stesen minyak di seluruh negara hanya kepada syarikat bukan bumiputera.

Mereka membuat gonggaman, jika kos pemasangan satu stesen bernilai RM1 juta maka projek itu keseluruhannya adalah RM300 juta. Kalau 30 peratus daripadanya diberikan kepada bumiputera ia hanya sekitar 90 juta dan ada RM210 juta lagi untuk bukan bumiputera.

Tetapi sebenarnya menurut kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas, Tan Sri Tengku Muhammad Taufik Tengku Aziz, RM300 juta itu tidak betul kerana nilai sebenar hanya RM15 juta.

Menurut Tengku Taufik, syarikat yang terpilih untuk pemasangan solar tersebut iaitu Solarvest Energy dibuat berdasarkan merit dan menepati piawaian serta teknikal yang ditetapkan.

Malah katanya, syarikat minyak nasional itu juga turut menilai syarikat bumiputera yang terdapat dalam senarai Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) sebelum membuat keputusan menganugerahkan kontrak itu kepada Solarvest.

Malangnya kata Tengku Taufik, semua syarikat bumiputera dalam senarai SEDA itu gagal memenuhi piawaian Petronas.

Terdapat kira-kira 60 syarikat bumiputera yang terlibat dalam industri tenaga boleh baharu (TBB) terutama solar dalam senarai SEDA. Adakah semuanya tidak mencapai piawai yang ditetapkan oleh Petronas?

Sedangkan sebahagian daripada syarikat itu ada yang menguruskan landang solar skala besar, ada yang terlibat dalam penajaan tenaga lestari, audit tenaga dan lain-lain lagi. Kenapa SEDA menyenaraikan syarikat yang tidak mencapai piawaian antarabangsa seperti yang ditetapkan oleh Petronas?

Isu kontrak ini mungkin perkara kecil dan remeh kepada Petronas, tetapi kepada usahawan bumiputera yang terlibat dalam industri ini kesannya cukup besar. Kek dalam industri tenaga boleh

Petronas: Antara tanggungjawab kepada negara dan bumiputera



TENGGU Muhammad Taufik Tengku Aziz (tiga, kiri) ketika menjadi ahli panel pada salah satu sesi sempena Kongres Ekonomi Bumiputera 2024 yang diadakan di Putrajaya baru-baru ini. - MINGGUAN/FAIZ ALIF ZUBIR

baharu masih kecil, jadi mereka berharap ia dapat diagihkan sama rata antara antara bumiputera dan bukan bumiputera.

Jika tidak pun kata mereka, Petronas patut buat bidaan secara terbuka supaya syarikat bumiputera boleh bersaing secara merit.

Tetapi jika diteliti kepada kenyataan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas itu, bidaan secara terbuka pun tidak ada maknanya kerana daripada penilaian awal yang dibuat tidak ada satu pun syarikat milik bumiputera yang memenuhi kriteria ditetapkan. Sebab itu syarikat bumiputera tidak ada dalam senarai tiga syarikat yang dijemput oleh Petronas untuk buat bidaan.

Maknanya, yang penting di sini bukan kongres ekonomi. Tetapi merit dan piawaian. Andai betul semua syarikat bumiputera itu tidak memenuhi kriteria ditetapkan, maka keutamaan kini adalah meningkatkan merit dan kepercayaan syarikat-syarikat bumiputera supaya diiktiraf syarikat antarabangsa seperti Petronas.

Jika mengambil kira kenyataan Tengku Muhammad Taufik itu, syarikat-syarikat TBB bumiputera sebenarnya tidak mempunyai kualiti dan tidak layak pun untuk masuk tender Petronas.

Kalau syarikat milik negara sendiri seperti Petronas mengatakan mereka tidak

“ Kalau mahu cakap tentang merit, sejak dari dahulu Petronas dapat sebahagian tanah untuk bina stesen minyak pun bukan semuanya atas dasar merit. Tetapi atas dasar ia syarikat minyak nasional, maka ramai yang bertolak ansur terutama kerajaan-kerajaan negeri.”

ada merit, apatah lagi syarikat antarabangsa lain.

Kenapa boleh jadi begini? Kenapa SEDA senaraikan syarikat yang tidak memiliki piawai, tidak berkualiti dan tidak mampu memenuhi bersaing untuk mendapatkan tender syarikat gergasi ini. Atau ia sekadar alasan yang diberikan oleh Petronas bagi merasionalkan tindakannya meminggirkan syarikat bumiputera?

Kalau kita lihat kepada profil syarikat-syarikat bumiputera dalam senarai SEDA itu, masing-masing mempunyai kelebihan

dan kepercayaan tersendiri. Kenyataan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas itu memberikan implikasi yang cukup besar kepada entiti-entiti bumiputera yang terlibat dalam industri ini. Termasuk boleh menjejaskan peluang mereka terabit dalam tender antarabangsa.

Sudah pasti kenyataan orang nombor satu Petronas itu menimbulkan rasa tidak senang dan kurang selesa dalam kalangan usahawan bumiputera.

“Kalau mahu cakap tentang merit, sejak dari dahulu Petronas dapat sebahagian tanah untuk bina stesen minyak pun bukan semuanya atas dasar merit. Tetapi atas dasar ia syarikat minyak nasional, maka ramai yang bertolak ansur terutama kerajaan-kerajaan negeri.”

“Kenapa Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Petronas begitu angkuh seolah-olah menuduh SEDA gagal menyediakan syarikat bumiputera yang memenuhi syarat Petronas? Ini menunjukkan dia Melayu yang angkuh. Mentang-mentang mereka Petronas, mereka kenakan syarat yang tinggi supaya syarikat bumiputera tidak layak menyertai tender tersebut,” demikian luahan rasa seorang usahawan TBB bumiputera.

Tetapi ada pula yang berkata, usahawan bumiputera perlu berlaku adil kepada Petronas. Jenama Petronas terkenal di

peringkat antarabangsa. Maka setiap tindak tanduk tidak boleh terlalu kelihatan memihak atau pilih kasih.

Lagi pula tanggungjawab Petronas bukan kepada usahawan bumiputera tetapi kepada kerajaan dan negara. Tanggungjawabnya kepada negara cukup besar.

Setiap apa yang dilakukannya sama ada dalam melantik kakitangan, memilih kontraktor atau menganugerahkan tender mesti berdasarkan merit.

Sebab itu kalau kita lihat Gentari Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat Petronas bagi penyelesaian tenaga bersih, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusannya adalah warganegara India, bukannya warga tempatan. Begitu juga dengan individu yang mengetuai unit tenaga boleh baharu Gentari, beliau adalah warga Singapura. Mereka ini tidak ada sentimen tempatan.

Tetapi kita kena faham, sebahagian besar pendapatan yang dijana oleh Petronas adalah daripada operasi di luar negara. Jadi, ia memerlukan wajah-wajah antarabangsa bagi membolehkannya bersaing dengan gergasi-gergasi petroleum lain di seluruh dunia.

Sebagai sebuah syarikat yang bersaing di peringkat global sudah tentu Petronas tidak boleh bersentimental atau beremosi dengan 80 resolusi KEB baru-baru ini.

Jika tidak, mana mungkin ia dapat mencatatkan keuntungan RM80.7 bilion pada tahun lalu (berbanding RM101.9 bilion pada tahun 2022), dengan dividen RM22 bilion kepada kerajaan (lebih rendah berbanding RM40 bilion pada 2023).

Bagi syarikat bumiputera yang terlibat dalam tenaga boleh baharu ini, Tengku Muhammad Taufik sudah nyatakan secara terang lagi bersuluh, bahawa walaupun mereka diiktiraf SEDA tetapi itu tidak bermakna mereka sudah capai piawai yang ditetapkan Petronas.

Oleh itu eloklah mereka lupakan niat untuk memasang sistem solar di stesen-stesen minyak Petronas yang masih berkaki. Carilah dahan lain untuk bergantung. Kerana dahan Petronas tidak sesuai dengan kepercayaan yang dimiliki bumiputera.

Aznan Bakar adalah Pengarang Utusan Malaysia dan Minggu Malaysia.